

Elakkan pengambilan asid folik yang berlebihan.

Elakkan daripada mengambil makanan yang separuh masak atau belum dimasak. Jika anda perlu mengambil salad atau buah-buahan, cucikan sayuran atau buah-buahan dengan bersih. Tiada larangan tertentu untuk makanan lain. Bagaimanapun, jangan mengambil ubat alternatif atau ubat herba tanpa memberitahu doktor anda.

Perhatikan kesihatan oral. Kumurkan mulut anda dengan air selepas makan dan gunakan berus gigi yang lembut. Elakkan sup dan minuman yang hangat.

Elakkan pendedahan yang terlalu lama kepada cahaya matahari kerana ubat ini mungkin menyebabkan kulit menjadi lebih sensitif terhadap cahaya matahari.

Elakkan daripada menyusu badan kepada anak anda.

Mengamalkan langkah pencegah kehamilan digalakkan semasa rawatan.

#### **Bagaimana saya harus **MENYIMPAN** ubat ini?**

Simpan ubat dalam bekas ambar yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



# Risalah Maklumat Untuk Pesakit



# Methotrexate

## MENGENAI ubat anda

Methotrexate merupakan ubat anti-barah yang mencegah sintesis DNA dalam sel-sel barah. Ia biasanya digunakan untuk merawat leukemia limfoblastik teruk. Ia juga digunakan untuk merawat choriokarsinoma, limfoma bukan-Hodgkin dan sebilangan tumor pejal.

## BAGAIMANA cara ubat ini diberikan?

Ubat ini diambil secara oral.

Ubat ini boleh diberikan melalui suntikan atau infusi ke dalam saluran darah.

Ia juga boleh diberikan melalui suntikan ke dalam otot atau suntikan ke dalam bendalir yang mengelilingi otak dan saraf tunjang.

## Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos (tablet oral)?

Jika anda lupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan serta-merta sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, terus biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu ambil ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

## Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

- Mual dan muntah
- Cirit-birit
- Ulser mulut

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

- Kemerahan pada kulit
- Keguguran rambut
- Kehilangan selera makan
- Pening
- Kelemahan badan
- Kemandulan
- Pengurangan bilangan sel darah putih dan platelet

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Kembali ke hospital jika anda mempunyai:

- Suhu badan melebihi 38 darjah selsius atau mempunyai tanda-tanda jangkitan lain seperti batuk atau sakit semasa membuang air kencing
- Ulser mulut yang tidak sembah dalam masa 3 hari
- Cirit-birit yang berlebihan dan/ atau muntah walaupun sudah mengambil ubat

Kembali ke hospital untuk pemeriksaan darah pada waktu yang tetap seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Kekalkan pengambilan air (2-3 liter air setiap hari, kecuali diarahkan sebaliknya oleh doktor anda) dan bahan berkhasiat yang mencukupi (hidangan kecil yang kerap dicadangkan).

Laporkan kepada doktor anda jika anda mengalami kesakitan semasa membuang air kencing.

Elakkan tempat yang ramai orang dan jangan mendekati orang yang mengalami jangkitan semasa tempoh neutropenik (bilangan sel darah putih yang rendah).

Elakkan pengambilan alkohol untuk mencegah kesan-kesan sampingan.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh caripada kanak-kanak